

## Sukarelawan BNM

Sukarelawan BNM ditubuhkan pada tahun 2008 sebagai wadah untuk kakitangan Bank menabur bakti kepada masyarakat menerusi aktiviti-aktiviti kebajikan. Walaupun Sukarelawan BNM dibiayai sepenuhnya melalui sumbangan daripada lebih 600 ahli, Bank turut memberikan sokongan menerusi penggunaan kemudahan yang terdapat di Bank serta memberikan cuti tanpa rekod dan pelepasan masa kerja kepada kakitangan untuk menyertai program sukarelawan. Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan pada tahun 2019, termasuk aktiviti berunsur pendidikan serta pelestarian alam sekitar. Meskipun mandat kakitangan Bank lebih tertumpu pada sektor ekonomi dan kewangan, Sukarelawan BNM memberi peluang kepada kakitangan Bank untuk menjadi ejen perubahan dengan mendidik golongan kurang berkemampuan mengenai kemahiran kewangan. Melalui Program Celik Kewangan (PCK) yang mula diperkenalkan pada tahun 2012, Sukarelawan BNM dapat memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam bidang kewangan dengan mendidik komuniti kurang berkemampuan tentang simpanan, pengurusan kewangan dan cara melindungi wang mereka. Pada tahun 2019, lebih 120 keluarga telah meraih manfaat daripada program ini.



*Program literasi kewangan untuk remaja*



*Kakitangan BNM menyampaikan modul literasi kepada remaja daripada keluarga kurang berkemampuan*



*Staf BNM membimbing pelajar dalam aktiviti kumpulan semasa program literasi kewangan*

Antara program lain yang dilaksanakan pada tahun 2019 termasuk aktiviti kebajikan masyarakat luar bandar melalui sumbangan barang keperluan asas dan peralatan sekolah kepada keluarga dan kanak-kanak daripada golongan kurang berkemampuan. Meskipun tujuan utama program adalah untuk meringankan beban kewangan dan menceriakan kehidupan golongan kurang berkemampuan, Sukarelawan BNM turut berusaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka melalui pendidikan. Sukarelawan BNM juga menyediakan peluang kepada ahli-ahlinya untuk mengasah kemahiran insaniah yang meliputi aspek kepimpinan dan komunikasi. Kemahiran-kemahiran ini penting untuk kerjaya mereka di Bank dan juga ketika berbakti kepada masyarakat.



*Sukarelawan menyediakan pakej makanan untuk keluarga kurang berkemampuan*



*Program pemuliharaan hutan dan penanaman pokok di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).*



*Program keselamatan air di Bukit Tatom*